

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HLT 336 - Drama dan Teater Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Huraikan perbezaan antara drama purbawara dan drama sandiwara dengan merujuk kepada 'Pahlawan Melayu' oleh Syed Alwi Sheik Alhady dan 'Si Bongkok Tanjong Puteri' oleh Shahrom Hussein. Huraikan jenis dan peranan hero Melayu dalam kedua-dua bentuk drama tersebut.
2. Bandingkan struktur plot 'Buat Menyapu Si Air Mata' oleh Awang Had Salleh dengan 'Anak Tanjung' oleh Nordin Hassan. Huraikan kenapa penulis masing-masing menggunakan struktur yang begitu berbeza.
3. Dengan merujuk kepada tema, watak dan konflik dalam drama 'Family' oleh Leow Puay Tin ATAU 'Chord' oleh K. S. Maniam, bincangkan masalah-masalah yang dialami oleh pendatang Cina ATAU India.
4. Bincangkan tafsiran Lee Joo For sebagai seorang bukan Melayu terhadap kejadian 13 Mei dengan merujuk kepada drama beliau bertajuk 'Happening in the Bungalow'.
5. Boleh dikatakan bahawa bentuk drama dan stail persembahan anti-realistik 'Bukan Lalang ditiup Angin' oleh Nordin Hassan menandakan suatu reaksi terhadap isu-isu yang mencetuskan kejadian 13 Mei. Huraikan dengan contoh-contoh jelas.
6. Watak dan aksi dalam drama '1984 Here and Now' oleh Kee Tuan Chye merupakan suatu komentar terhadap trend kepimpinan politik 80'an di Malaysia. Jelaskan secara terperinci dengan contoh-contoh yang sesuai.